

KONSEP AL-SUNNAH DALAM RAWATAN PENYAKIT (The Prophetic Concepts in the Treatment of Disease)

¹ MUHAMMAD MASRURI
¹ JAWIAH DAKIR
² AHAMAD ASMADI SAKAT
² WAN NASYRUDIN WAN ABDULLAH

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Jabatan al-Quran and Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Rawatan Islam atau rawatan Nabi adalah suatu ikhtiar untuk menyembuhkan penyakit fizikal dan rohani. Rawatan ini menggunakan cara-cara khusus berpandukan al-Quran dan al-Sunnah serta ijtihad para ulama. Antara rawatan Islam yang sering diamalkan oleh masyarakat adalah *ruqyah*. Namun masih ada sebahagian masyarakat yang belum boleh membezakan antara *ruqyah* yang berlandaskan kepada kaedah al-Sunnah dan *ruqyah* yang mengandungi unsur syirik. Kertas kerja ini, bertujuan bagi menghuraikan konsep *ruqyah* yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta ijtihad para ulama. Kertas kerja ini menggunakan metodologi kepustakaan iaitu kajian yang tertumpu kepada sebahagian buku-buku tentang rawatan Islam khususnya *ruqyah*. Sebagai perantara dan ikhtiar bagi menyembuhkan suatu penyakit, *ruqyah* tidak boleh dijadikan sebagai rawatan alternatif serta diketepikan kewujudannya. *Ruqyah* semestinya menjadi pilihan utama seorang Muslim ketika mendapat musibah suatu penyakit. *Ruqyah* terbahagi menjadi dua *ruqyah shar'iyyah* iaitu *ruqyah* yang sesuai dengan syariat Islam yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dan *ruqyah shirk'iyyah* iaitu *ruqyah* yang mengandungi unsur syirik. *Ruqyah shar'iyyah* dilakukan kerana beberapa tujuan. Antara tujuan *ruqyah* adalah menjaga kesihatan

fizikal dan rohani pada diri seseorang, mengubati penyakit fizikal ataupun rohani, mendekati diri kepada Allah SWT.

Kata kunci: Rawatan Islam; al-Quran; al-Sunnah; *ruqyah*; kesihatan

ABSTRACT

Islamic treatments or Propetic treatments is an effort to heal physical and spiritual disease. This treatment uses specific ways based on the Quran and the Sunnah as well as ijthad of scholars. Among the Islamic treatments that frequently practiced by society is ruqyah. But there are still part of society who can't differentiate between ruqyah based on the method of the Sunnah and ruqyah which contain elements of shirk. This paper aims to explain the concept of ruqyah based on the Quran and the Sunnah as well as ijthad of scholars. This paper uses the methodology of content analisis, the study focused on part of books about Islamic treatments, especially ruqyah. As an intermediary and efforts to cure a disease, ruqyah is not acceptable as an alternative treatments and ignored its existence. Ruqyah should be the primary choice of a Muslim when getting a disease disaster. Ruqyah is divided into two parts; ruqyah Shar 'iyyah namely ruqyah compatible with Islamic Shariat based the Quran and the Sunnah and ruqyah shirkiyyah namely ruqyah which contains elements of shirk. Ruqyah shar 'iyyah practiced for several purposes. Among the purposes of ruqyah is; maintaining spiritual and physical health in a person, physically or spiritually treat disease and get closer to Allah Almighty.

Keyword: *Islamic treatments; the Quran; the Sunnah; ruqyah; health*

PENGENALAN

Islam amat memperhatikan kesihatan dan kebersihan. Dalam menjaga dan merawat suatu penyakit, Islam telah menetapkan suatu kaedah. Kaedah ini dikenal dengan istilah rawatan Nabi atau rawatan Islam. Ia merupakan suatu ikhtiar untuk menyembuhkan penyakit untuk menyembuhkan penyakit fizikal dan rohani menggunakan cara-cara khusus berpandukan al-Quran dan Sunnah serta ijthad para ulama (Haron Din 2011). al-Quran merupakan cahaya yang terang yang mengandungi kebaikan dan berkah. Setiap ayat al-Quran merupakan senjata yang amat agung dan kuat untuk penyembuhan suatu penyakit serta bagi mengusir kejahatan jin dan syaitan (al-Mubayyad 2008). Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menyentuh penggunaan perkataan yang membawa makna penyembuhan. Firman Allah SWT:

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

(al-Isra' 17: 82)

Maksud: Dan kami turunkan di atas (isi) al-Quran sesuatu yang boleh menyembuhkan dan rahmat untuk orang-orang yang beriman.

Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha dan berikhtiar dalam mencari kesembuhan, sebagaimana diperintahkan untuk bertawakkal. Baginda Nabi SAW telah menjelaskan kepada umatnya bahawa Allah SWT telah menurunkan pelbagai penyakit berserta dengan ubatnya dan bagi setiap penyakit yang diturunkan terdapat suatu penyembuhan dengan izin Allah SWT. Sebagaimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahihnya*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

(Muslim 1374, no. hadis 6603)

Maksud: Setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila dijumpai ubat kepada suatu penyakit itu, nescaya disembuhkan dengan izin Allah AWJ.

Antara konsep rawatan yang menggunakan ayat al-Quran dan doa daripada hadis Rasulullah SAW serta ijtihad para ulama yang muktabar adalah *ruqyah*. Rawatan kaedah *ruqyah* ini bukanlah merupakan satu amalan baru dalam kalangan umat Islam tetapi ianya merupakan suatu amalan yang sudah bermula sebelum Islam (al-Ma'ani 2000). Selepas datangnya Islam rawatan *ruqyah* dilaksanakan mengikut petunjuk daripada Rasulullah SAW.

Konsep *ruqyah* merupakan suatu konsep rawatan Islam yang amat luas. Ianya meliputi rawatan menggunakan doa, rawatan menggunakan herba daripada petunjuk al-Sunnah serta rawatan menggunakan bahan semula jadi. Pelbagai penyakit fizikal dan rohani boleh dirawat melalui kaedah ini (Haron Din 2011). Pada masa kini rawatan menggunakan konsep *ruqyah* adalah amat diperlukan oleh masyarakat kerana banyaknya penyakit yang tidak dijumpai ubatnya dengan kaedah perubatan moden seperti penyakit gangguan sihir, penyakit ain (iaitu penyakit pandangan hasad dengki daripada seseorang yang mempunyai perangai buruk yang mendatangkan mudarat dan penyakit kepada orang yang dipandang (Ibn Manzur t.th; Ibn Hajar 2000) dan gangguan makhluk halus. Namun masih ramai masyarakat belum boleh membezakan *ruqyah* yang berlandaskan kepada kaedah al-Sunnah dan *ruqyah* yang mengandungi unsur syirik.

KAJIAN LITERATUR

Berkenaan dengan rawatan Nabi SAW, Ibn Qayyim (1998) telah menulis buku bertajuk *al-Tibb al-Nabawi*. Beliau menghuraikan mengenai pembahagian penyakit kepada penyakit berkenaan dengan hati dan penyakit fizikal serta kaedah rawatan Nabi SAW melalui kaedah *ruqyah*.

Dato' Dr. Haron Din (2011) telah menulis buku siri Pengajian Pengubatan Islam; *Pengantar Pengubatan Islam Kaedah Rawatan Penyakit berdasarkan Petunjuk Rasulullah SAW*. Buku ini telah diterbitkan oleh Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa, Bangi Selangor tahun 2011. Beliau memberikan huraian secara terperinci mengenai pengenalan dan konsep rawatan Islam, konsep rawatan Nabi SAW, rawatan yang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat dengan memberikan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Shaykh Wahid Abd al-Salam Bali (1998a, 1992b) buku dengan tajuk *Wiqayat al-Insan min al-Jinn wa al-Shayatin* dan *al-Sarim al-Battar fi al-Tasadi li al-Saharat al-Ashrar*. Dalam kedua-dua buku ini beliau menghuraikan hakikat jin menurut al-Quran dan al-Sunnah, hubungan syaitan dengan manusia, pelbagai gangguan penyakit yang disebabkan oleh syaitan, sihir dan guna-guna menurut al-Quran dan al-Sunnah serta rawatan dan penjagaan gangguan sihir jin menurut al-Quran dan Sunnah. Kitab ini telah diterbitkan oleh Maktabah al-Tabi'in, Kaherah tahun 1998.

Musa bin Muhammad bin Jabir al-Fifi (t.th) dalam thesis beliau bertajuk *Ahadith al-Sihr wa al-Ruqyah fi al-Kutub al-Sittah: Riwayah wa Dirayah* di al-Jami'ah al-'Alamiyyah al-Amrikiyyah Beirut (American's International University), Beirut. Dalam kajian ini beliau telah mengumpulkan hadis-hadis berkait sihir dan *ruqyah* yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* melalui kaedah hadis *mawdu'i*. Beliau menghuraikan tentang jin, jenis-jenis gangguan syaitan kepada manusia, sihir dan rawatan *ruqyah* daripada al-Quran dan al-Sunnah

Shaykh Abi al-'Aliyyah Muhammad ibn Yusuf al-Jurami (2007) dalam bukunya *al-Ruqyah al-Shar'iyah min al-Kitab wa al-Sunnah al-Nabawiyah* menjelaskan tentang *ruqyah* syar'iyah dan rawatan gangguan sihir dan makhluk halus menurut al-Quran dan al-Sunnah.

METODOLOGI

Makalah ini fokus kepada kajian analisis dokumen mengenai konsep rawatan Islam menggunakan kaedah *ruqyah* berlandaskan kepada petunjuk al-Sunnah serta ijtihad para *Salaf al-Salih*.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Rawatan Islam atau rawatan Nabi merupakan suatu rawatan yang mempunyai kelebihan berbanding rawatan lain. Dalam Rawatan Islam, doa merupakan asas penting dalam penyembuhan suatu penyakit dengan tidak menafikan ikhtiar rawatan lain. *Ruqyah* sebagai salah satu kaedah dalam rawatan Islam, ianya meletakkan doa daripada al-Quran dan Sunnah al-Nabawiyyah serta amalan para *salaf al-Salih* sebagai asas utamanya. Dalam rawatan *ruqyah*, seorang pengamal dan pesakit untuk sentiasa berkeyakinan bahawa setiap penyakit ada ubatnya dan setiap penyakit akan sembuh dengan izin Allah SWT.

Perkataan *ruqyah* adalah bentuk tunggal daripada jamak *al-ruqa* yang bererti perlindungan atau penjagaan. *Ruqyah* adalah perlindungan atau penjagaan, yang digunakan untuk melindungi seseorang yang terkena penyakit fizikal ataupun rohani (al-Razi 1986).

Ruqyah menurut istilah syarak adalah jampi atau bacaan bagi memohon kesembuhan kepada Allah SWT menggunakan doa daripada al-Quran, nama-nama Allah SWT, sifat-sifat Allah SWT atau hadis-hadis Rasulullah SAW serta amalan para ulama. Doa atau jampi ini boleh menggunakan bahasa Arab atau bahasa yang boleh difahami maknanya berserta dengan menghembuskan nafas (al-Jurani 2007). Doa yang dibaca tidak boleh mengandungi unsur syirik.

Pembahagian *Ruqyah*

Ruqyah terbahagi kepada dua bahagian:

1. *Ruqyah shar'iyah* iaitu doa-doa daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW serta amalan para ulama *salaf al-Salih* yang mengikut syarak. Demikian juga *ruqyah* menggunakan nama dan sifat Allah SWT (al-Sayyid 2005). Sebagaimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahihnya* daripada 'Auf ibn Malik al-Ashja'i, beliau berkata:

كُنَّا نَرْقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا تَقُولُ فِي ذَلِكَ فَقَالَ: اعْرِضُوا عَلَيَّ
رُقَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرَّقِيِّ مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ

(Muslim 2006, no. hadis 2200)

Maksud: Kami melakukan *ruqyah* pada masa Jahiliyyah, kemudian kami menanyakan hal tersebut kepada Nabi SAW: wahai Rasulullah apakah pendapat engkau dalam masalah ini, kemudian Baginda menjawab: perhatikan

kepadaku *ruqyah* kalian. Tidak menjadi suatu kesalahan dalam rawatan *ruqyah* apabila ianya tidak mengandungi unsur syirik.

2. *Ruqyah shirkiah* iaitu setiap jampi atau bacaan doa dengan menggunakan bahasa yang tidak difahami, ataupun kata-kata yang tidak diketahui maknanya dan sukar diucapkan serta mengandungi unsur syirik kepada Allah SWT (al-Jurani 2007) atau setiap *ruqyah* yang mengandungi unsur penyebutan dan meminta pertolongan kepada jin, syaitan dan penyembahan bintang-bintang (al-Sayyid 2005). Sepertimana dijelaskan oleh Nabi SAW:

إِنَّ الرُّقَى وَالْتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَّاةَ شِرْكَ

(Abi Dawud 1424, no. hadis 3885)

Maksud: Sesungguhnya jampi, azimat dan tangkal adalah syirik.

Hukum *Ruqyah*

Ruqyah sebagai metode rawatan penyakit fizikal dan rohani atau bagi menolong seseorang yang mengalami musibah adalah dibolehkan oleh syarak. Dalam rawatan Islam telah dijelaskan bahawa setiap penyakit ada ubatnya oleh itu setiap orang digalakkan untuk berubat sebagai ikhtiar untuk kesembuhan (Haron Din 2011). Sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahihnya* daripada Jabir Ibn 'Abd Allah, Baginda SAW bersabda:

تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً غَيْرَ دَاءٍ وَاحِدٍ الْهَرَمُ

(al-Tirmidhi 1417, no. hadis 2038)

Maksud: Berubatlah kamu wahai hamba-hamba Allah, kerana Allah SWT tidak meletakkan suatu penyakit kecuali diletakkan juga bersama ubatnya melainkan satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua.

Hadis di atas memberikan penjelasan para sahabat serta umat Islam digalakkan untuk berubat bagi mencari kesembuhan sama ada dengan kaedah *ruqyah* ataupun kaedah rawatan Islam lainnya. Demikian juga terdapat beberapa pendapat ulama mengenai rawatan *ruqyah* antaranya:

1. Imam Malik pernah ditanya: apakah boleh seseorang melakukan rawatan *ruqyah* atau meminta untuk *diruqyah*? Beliau menjawab: tidak mengapa apabila menggunakan perkataan yang baik (al-Qurtubi 1988).
2. Imam al-Shafie berkata: tidak mengapa *ruqyah* menggunakan kitab Allah dan dengan zikir (al-'Asqalani 2000).
3. Ibn Abd al-Barr (1967) mengatakan bahawa setiap zikir kepada Allah SWT boleh digunakan untuk *meruqyah*.

4. al-Baghawi (1984) dalam *Sharh al-Sunnah* mengatakan bahawa *ruqyah* menggunakan al-Quran dan zikir kepada Allah SWT adalah boleh.
5. al-Nawawi (1929) dalam *Sharh Muslim* mengatakan bahawa tidak ada larangan *ruqyah* dengan ayat-ayat al-Quran dan zikir-zikir yang makruf bahkan ianya adalah sunnah.
6. al-Qurtubi (2005) dalam tafsirnya mengatakan bahawa berubat dan meminta *ruqyah* adalah harus.

Apakah *Ruqyah* Mengurangi Sifat Tawakal

Para ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Ada dua pendapat berkait masalah ini

1. Pendapat pertama mengatakan bahawa meminta *ruqyah* adalah mengurangi kesempurnaan tawakkal. Pendapat ini disokong oleh Imam Ahmad, al-Khattabi, al-Qadi 'Iyad, al-Nawawi, Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan lainnya. Dalil pendapat ini:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi (1417); Ibn Majah (1417); Ibn Hibban (1993) daripada Shu'bah berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اِكْتَوَىٰ اَوْ اسْتَرْقَىٰ فَقَدْ بَرِيَ مِنَ التَّوَكُّلِ

(al-Tirmidhi 1417, no. hadis 2055)

Maksud: Sesiapa berubat dengan *kay* (iaitu pengubatan penyakit dengan menggunakan besi panas atau api yang diletakkan pada bahagian badan yang sakit atau terkena luka) atau meminta *ruqyah* maka telah lepas daripada tawakkal.

Hadis di atas menjelaskan bahawa meminta *ruqyah* adalah makruh kerana bertawakal kepada Allah SWT lebih utama daripada meminta rawatan. Tidak meminta *ruqyah* dan reda kepada taqdir dan ujian Allah SWT adalah darjah paling tinggi orang yang beriman. al-Mubarakfuri (1990) telah menukil daripada al-Munawi mengatakan perkara ini berlaku bagi orang yang terus melakukan *ruqyah* dan tidak bersabar serta tawakal kepada Allah.

2. Pendapat kedua mengatakan bahawa meminta *ruqyah* tidak mengurangi kesempurnaan tawakal. Dalil pendapat ini:

Hadis-hadis yang menjelaskan tentang anjuran untuk berubat, seperti hadis berikut:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

(Muslim 1374, no. hadis 6603)

Maksud: Setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila dijumpai ubat kepada suatu penyakit itu, nescaya boleh disembuhkan dengan izin Allah 'azza wa jalla.

تَدَاوَوْا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً غَيْرَ دَاءٍ وَاحِدٍ الْهَرَمُ

(al-Tirmidhi 1417, no. hadis 2038)

Maksud: Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan penyakit dan juga ubatnya dan telah menjadikan ubat bagi tiap-tiap penyakit. Kerana itu hendaklah kalian berubat tetapi janganlan berubat dengan yang haram.

Hadis-hadis yang menjelaskan tentang *ruqyah* Nabi SAW kepada dirinya sendiri, *ruqyah* Jibril kepada Nabi SAW serta *ruqyah* Baginda kepada para Sahabatnya (al-Hulwani 2012).

Daripada huraian di atas boleh disimpulkan bahawa pendapat yang lebih utama adalah pendapat yang mengatakan bahawa *ruqyah* tidak mengurangi sifat tawakal, kerana Nabi SAW sendiri juga melaksanakan *ruqyah* apabila Baginda mengalami sakit, demikian juga para Sahabat (al-Ma'ani 2000).

Syarat-syarat *Ruqyah*

Para ulama telah sepakat bahawa rawatan *ruqyah* mesti memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Terdapat beberapa syarat yang ditetapkan oleh para ulama (al-Jurani 2007; al-Hulwani 2012) iaitu:

1. Menggunakan Kalam Allah, Asma-asma dan sifat-sifat Allah SWT.
2. *Athar* daripada Nabi SAW kerana ia merupakan syarah dan penjelasan al-Quran.
3. Menggunakan bahasa Arab atau bahasa yang boleh difahami maknanya, tidak menggunakan lafaz yang tidak diketahui maknanya.
4. Beriktikad dan meyakini bahawa *ruqyah* tidak memberi kesan secara sendirinya, tetapi yang menyembuhkan adalah Allah SWT dan semua kesembuhan atas kehendak Allah SWT (al-Asqalani 2001; al-Sakhawi 1972).
5. Tidak mengandungi unsur syirik (al-Muraghani 1999).

Kaedah-kaedah *Ruqyah*

Dalam rawatan *ruqyah*, Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada umatnya beberapa kaedah, antaranya:

1. *Ruqyah* dengan doa sahaja atau sambil menyapu dengan tangan.

Meruqyah dengan doa yang *ma'thur*. Ianya boleh dilakukan dengan mengucap doa *ruqyah* sambil menyapu bahagian yang sakit atau dengan membaca doa sahaja. Sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Sahihnya* daripada Abd al-'Aziz ia berkata: "Aku bersama Thabit pernah menemui Anas ibn Malik, Thabit berkata: Wahai Abu Hamzah aku merasakan sakit. Anas berkata: Mahukah kamu *ruqyah* aku dengan *ruqyah* Rasulullah SAW? Thabit berkata: Ya. Anas membaca:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهَبِ الْبَاسَ اشْفِهِ وَأَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا

(al- Bukhari 2001, no. hadis 5742)

Demikian juga hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahihnya* daripada Abu Sa'id al-Khudri berkata:

أَنَّ جِبْرِيْلَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ اسْتَكَيْتَ فَقَالَ نَعَمْ قَالَ بِاسْمِ اللهِ أَرْقِيكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ اللهُ يَشْفِيكَ بِاسْمِ اللهِ أَرْقِيكَ

(Muslim 1998, no. hadis 2186)

Maksud: Bahawa Jibril a.s datang kepada Nabi SAW lalu berkata: Wahai Muhammad apakah kamu sakit? Jawab Nabi SAW: Ya. Jibril mengucapkan (menjampi) dengan: Dengan Nama Allah aku menjampi kamu daripada segala sesuatu yang menyakitimu, dari kejahatan setiap jiwa atau mata yang dengki. Allah menyembuhkan kamu, dengan nama Allah aku menjampi kamu.

2. *Ruqyah* dengan *basmalah* atau *isti'adhah* sambil meletakkan tangan pada bahagian yang sakit.

Sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahihnya* daripada Uthman ibn Abi al-'As, beliau mengadukan rasa sakit yang ia rasakan pada badannya semenjak ia masuk Islam kepada Rasulullah SAW, maka Baginda SAW bersabda:

ضَعَّ يَدَكَ عَلَى الَّذِي تَأْلَمُ مِنْ جَسَدِكَ ، وَقُلْ : بِسْمِ اللهِ ثَلَاثًا وَقُلْ سَبْعَ مَرَّاتٍ : أَعُوذُ بِاللّٰهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَحْدَدُ وَأَحَاذِرُ

(Muslim 1998, no. hadis 2202)

Maksud: Letakkan tanganmu di atas badanmu yang sakit dan ucapkan: *Bismillah* (dengan menyebut Nama Allah) tiga kali dan ucapkan tujuh kali: Aku berlindung kepada Allah dan dengan Quدرات-Nya dari keburukan yang aku jumpai dan aku khawatiri.

Hadis ini juga menjadi dalil bahawa seorang perawat dibolehkan meletakkan tapak tangannya pada tempat yang sakit di badan pesakit.

3. Menghembus pada kedua-dua tangan sambil membaca *al-Mu'awwidhat* Seperti hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam *Sahihnya* daripada Sayyidah 'Aishah r.a:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اشْتَكَى يَقْرَأُ عَلَى نَفْسِهِ بِالْمُعَوِّذَاتِ وَيَنْفُثُ فَلَمَّا اشْتَدَّ وَجَعُهُ كُنْتُ أَقْرَأُ عَلَيْهِ وَأَمْسَحُ بِيَدِهِ رَجَاءَ بَرَكَتِهَا

(al-Bukhari 1400, no. hadis 5016)

Maksud: Apabila Rasulullah SAW merasakan sakit, Baginda membacakan dirinya *al-Mu'awwidhat* kemudian menghembuskan (ke badan), manakala sakit beliau lebih teruk, aku membacanya untuk Baginda serta menyapunya dengan tangan Baginda sendiri bagi mengharap perkahnyanya.

Hadis ini menjadi dalil bahawa *al-nafath* atau menghembuskan nafas (tanpa mengeluarkan ludah) ketika *ruqyah* adalah harus. Faedah menghembuskan nafas adalah bagi mendapatkan barakah daripada bacaan doa *ruqyah* tersebut. Pendapat ini disokong oleh sebahagian besar sahabat, tabi'in dan para ulama (al-Hulwani 2012; al-Jurani 2007; al-Sayyid 2005).

4. *Ruqyah* dengan Surah al-Fatihah kemudian mengumpulkan air liur dan meludahkannya.

Sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abi Sa'id al-Khudri, beliau berkata: Sekumpulan sahabat Nabi SAW sedang dalam perjalanan, ketika mereka singgah di suatu kampung daripada perkampungan Arab, mereka meminta jamuan, namun penduduk perkampungan itu enggan untuk menjamu mereka. Kepala kampung tersengat haiwan berbisa, mereka sudah berusaha memberikan rawatan kepadanya namun tidak juga memberi manfaat sama sekali. Maka sebahagian mereka mengatakan; Sekiranya kamu sekalian datang menjumpai kumpulan lelaki (sahabat Nabi) yang singgah di tempat kamu sekalian, semoga sahaja salah seorang daripada mereka ada yang memiliki sesuatu, kemudian mereka datang kepada para sahabat Nabi sambil berkata; Wahai sekumpulan orang, sesungguhnya pemimpin kami tersengat haiwan berbisa, dan kami telah berusaha memberikan rawatan kepadanya dengan segala sesuatu namun tidak juga memberikan hasil, apakah salah seorang daripada kamu sekalian memiliki ada yang memiliki sesuatu (sebagai penawar)? Seorang sahabat Nabi menjawab; Ya, demi Allah aku akan *meruqyahnya* (menjampinya), akan tetapi demi Allah, sungguh kami tadi meminta kamu sekalian supaya memberikan jamuan

kepada kami, tetapi kamu sekalian enggan menjamu kami, dan aku tidak akan *meruqyah* (menjampinya) sehingga kamu sekalian memberikan ganjaran kepada kami. Kemudian penduduk kampung itu ingin berdamai dengan menyediakan beberapa ekor kambing, lalu salah satu sahabat Nabi itu pergi dan membaca *al hamdulillahi rabb al-'alamin* (al-Fatihah) dan meludahkan kepadanya hingga seakan-akan pemimpin mereka terlepas daripada tali yang membelenggunya dan terbebas daripada penyakit yang dapat membinasakannya. Abu Sa'id berkata; Lantas penduduk kampung tersebut memberikan ganjaran yang telah mereka siapkan kepada sahabat Nabi, dan sahabat Nabi yang lain berkata; Bagilah. Namun sahabat yang *meruqyah* berkata; Jangan dulu sebelum kita menemui Rasulullah SAW dan memberitahu apa yang terjadi dan kita akan mengetahui apa yang Baginda perintahkan kepada kita. Setelah itu mereka menemui Rasulullah SAW dan memberitahukan perkara tersebut kepada Baginda, Baginda SAW bersabda:

وَمَا يُدْرِيكَ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ ثُمَّ قَالَ قَدْ أَصَبْتُمْ أَقْسِمُوا وَاضْرِبُوا لِي مَعَكُمْ سَهْمًا فَضَحِكَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(al-Bukhari 2001, no. hadis 5749)

Maksud: Bagaimana kamu tahu bahawa itu adalah *ruqyah*? Dan kamu sekalian telah mendapatkan ganjaran daripadanya, maka bagilah dan berilah bahagian untukku. Kemudian Rasulullah SAW tersenyum.

Hadis ini menjadi hujah bahawa menghembus dan meludah sedikit ketika *meruqyah* adalah boleh. Ini adalah pendapat sebahagian sahabat dan jumurh ulama. Hadis ini juga sebagai hujah bahawa mengambil ganjaran atau upah daripada menjampi dengan ayat-ayat al-Quran adalah harus (al-Hulwani 2012; Haron Din 2011).

5. *Ruqyah* dengan membacakan al-Quran pada air atau menulisnya pada sesuatu dan diletakkan dalam air kemudian meminumnya atau mandi dengannya. Berkenaan perkara ini terdapat beberapa pandangan para ulama. Imam Malik pernah ditanya: Apakah al-Quran boleh ditulis bagi orang yang demam? Beliau menjawab: tidak mengapa *meruqyah* dengan *al-kalam al-tayyib* (al-Qayrawani 1983). Abu Dawud berkata: aku mendengar Imam Ahmad ditanya tentang seseorang yang menulis al-Quran kemudian membasuh dan meminumnya? Beliau berkata: saya berharap semoga tidak mengapa (al-Sajistani 1934). Ibn Qayyim mengatakan bahawa sebahagian ulama salaf membolehkan menulis ayat-ayat al-Quran untuk diminum, sebagaimana pendapat Mujahid dan Abu Qilabah (Ibn Qayyim 1998).

Manakala Shaikh al-Islam Ibn Taymiyyah (2004) berkata: jika al-Quran atau zikir ditulis dalam bejana atau papan kemudian dilebur dengan air kemudian diminum,

maka hal ini tidak mengapa. Shaikh 'Abd Allah ibn 'Abd al-Rahman al-Jabrayn mengatakan beliau membaca al-Quran dengan menghembuskan pada air untuk diminumkan kepada orang yang sakit. Shaikh Muhammad ibn Salih al-'Usaymin mengatakan bahwa hembusan orang yang membaca doa *ruqyah* daripada al-Quran adalah wasilah yang paling besar dalam menyembuhkan pesakit dan ianya adalah dibolehkan (al-Ma'ani 2000). Daripada beberapa pandangan ulama di atas maka dapat diketahui bahawa merawat penyakit dengan menggunakan kaedah meminum air daripada tulisan ayat-ayat al-Quran yang dilebur dengan air adalah harus.

Cara-cara Meruqyah

1. *Ruqyah* terkena sihir. Bagi pesakit yang terkena gangguan sihir maka rawatannya adalah:
 - i. Dengan mengeluarkan sihir daripada badan pesakit, mengetahui tempat sihir itu sama ada di tanah, di bukit atau tempat lainnya. Selepas diketahui tempatnya maka keluarkanlah dan musnahkan kemudian membacakan ayat *ruqyah* dan *al-mu'awwidhat* untuk membatalkan sihir. (al-Sayyid 2005; al-Jūrānī 2007).
 - ii. Dengan membaca semua ayat *ruqyah* bagi yang terkena gangguan hasad atau *ain*.
2. Apabila pesakit mengalami gangguan hasad dan *ain* maka rawatannya adalah dengan dua cara iaitu:
 - i. Apabila orang yang melakukan *ain* diketahui, maka hendaklah meminta orang itu untuk mandi, kemudian orang yang terkena pengaruh *ain* mandi dengan bekas air mandian orang yang melakukan *ain* (al-Sayyid 2005; al-Jūrānī 2007). Seperti dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahihnya* daripada Ibn Abbas daripada Rasulullah SAW bersabda:

الْعَيْنُ حَقٌّ وَلَوْ كَانَ شَيْءٌ سَابَقَ الْقَدَرَ سَبَقَتْهُ الْعَيْنُ وَإِذَا اسْتُغْسِلْتُمْ فَاعْسِلُوا

(Muslim 1988, no. hadis 2188)

Maksud: “*Ain* itu adalah benar adanya, seandainya ada sesuatu yang mendahului qadar, maka akan didahului oleh *ain*. Apabila kamu diminta untuk mandi maka mandilah”.

- ii. Dengan membacakan ayat *ruqyah al-shar'iyah* ke dalam baldi yang berisi air, kemudian air tersebut digunakan untuk mandi orang yang terkena *ain*.
- iii. Dengan membaca ayat *ruqyah* kemudian meletakkan tapak tangan pada tempat yang sakit.
- iv. Membaca al-Fatihah tujuh kali, surah al-Mulk ayat 1-4, surah al-Kahfi ayat 39 dan surah al-Mukminun ayat 14.

Pada masa kini banyak terdapat pusat rawatan Islam yang memperkenalkan konsep rawatan *ruqyah al-shar'iyah* kepada masyarakat. Sebahagian masyarakat ada yang memberikan reaksi positif dan ada yang memberikan reaksi negatif. Pemahaman sebahagian masyarakat terhadap konsep *ruqyah* masih berbeza. Ada yang mengatakan bahawa semua rawatan *ruqyah* adalah mengikut syarak dan boleh diikuti. Ada yang mengatakan bahawa *ruqyah* itu merupakan rawatan untuk gangguan makhluk halus sahaja, ianya tidak boleh merawat penyakit fizikal. Oleh kerana pemahaman masyarakat masih kurang dalam masalah ini, maka banyak terjadi kes penipuan. Ada sebahagian masyarakat yang telah tertipu berubat kepada pusat rawatan yang tidak mengikut syarak yang mendakwa sebagai pusat rawatan Islam. Ada sebahagian ajaran sesat yang berselindung pada pusat rawatan *ruqyah*. Melalui makalah ini penulis berharap masyarakat boleh memahami dan membezakan secara benar bahawa rawatan *ruqyah* ada yang *shar'iyah* dan ada yang *shirkiyyah*. Rawatan *ruqyah shar'iyah* adalah rawatan *ruqyah* berasaskan kepada panduan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW serta ijtihad para ulama yang muktabar.

KESIMPULAN

Ruqyah sebagai suatu konsep rawatan bagi menyembuhkan penyakit fizikal dan rohani merupakan konsep rawatan yang berasaskan kepada penyembuhan daripada al-Quran dan al-Sunnah serta beberapa ijtihad ulama. Setiap penyakit yang telah diturunkan Allah SWT bersama dengan penawarnya. Sebagai perantara dan ikhtiar bagi menyembuhkan suatu penyakit, *ruqyah* tidak boleh dijadikan sebagai rawatan alternatif serta diketepikan kewujudannya, tetapi semestinya menjadi pilihan utama seorang muslim ketika mendapat musibah suatu penyakit. *Ruqyah* sebagai suatu konsep rawatan Islam perlu memenuhi tiga syarat yang ditetapkan oleh para ulama, iaitu: menggunakan Kalam Allah, asma dan sifat Allah SWT, menggunakan bahasa Arab atau bahasa yang boleh difahami maknanya, serta meyakini bahawa semua kesembuhan atas kehendak Allah SWT. Dengan adanya pemahaman yang benar mengenai rawatan *ruqyah* mengikut panduan daripada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW serta pandangan para ulama *salaf al-Salih* maka hal ini boleh menyelamatkan sebahagian masyarakat daripada penipuan serta amalan yang mengandungi unsur syirik yang boleh menggadaikan akidah mereka.

RUJUKAN

al-Quran

Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Edisi ke-8. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

- Abu Dāwud Sulayman ibn al-Ash'āth. 1417. *Sunan Abī Dāwud. Tahqīq* al-Albanī. Riyad: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Baghawi, al-Husayn ibn Mas'ud. 1984. *Sharh al-Sunnah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Bukhārī, al-Imam al-Hāfiz Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'il. 1400. *al-Jāmi' al- Sahih. Tahqīq* Muhib al-Dīn al-Khatīb. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. 2011. *Pengantar Pengubatan Islam*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa.
- al-Hulwani, Tal'at bin Fu'ad. 2012. *Awdah al-Bayan fi 'Ilaj al-Massi wa al-Sihr wa Idha al-Jan*. Dlm. Jamaluddin (pnyt.). *Pengobatan Cara Nabi SAW terhadap Kesurupan, Sihir, dan Gangguan makhluk halus*. Jakarta: Darul Haq.
- Ibn Hajar, al-'Asqalānī. 2000. *Fath al-Bārī Sharh sahih al-Bukhārī. Tahqīq* 'Abd Qadir Shaybah al-Hamdi. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Hibbān ibn Ahmad Abī Hātim, al-Imam al-Hāfiz Muḥammad. 1993. *Sahih Ibn Hibbān. Tahqīq* Shuāyb al-Arnauti. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Ibn 'Abd al-Barr. 1387. *al-Tamhid*. Maghrib: Wuzara 'Umum al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn Mājah, al-Imām Abī 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazīd al-Qazwayn. 1417. *Sunan Ibn Mājah. Tahqīq* Shaykh al-Albanī. Riyād: Maktabah al-Ma'ārif.
- Ibn Manzūr, Abu al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad Ibn Makram. t.th. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Ma'ārif.
- Ibn Qayyim, al-Jawziyyah. 1998. *Zad al-Maād*. Beirut: Muassasah al-Resalah.
- Ibn Taymiyyah. 2004. *Majmu' al-Fatawa*. Riyad: Maktabah al-Mulq Fahd al-Wataniyyah.
- al-Jurani, Abu al-Aliyah Muhammad Yusuf. 2007. *al-Ruqyah al-Shar'iyah min al-Kītab wa al-Sunnah al -Nabawiyyah*. Amman: Dar al-Nafais.
- al-Ma'ani, Abu al-Bara' Osama ibn Yasin. 2000. *Fath al-Haqq al-Mubin fi Ahkam Raq al-Shar'i wa al-Sihr wa al-'Ain*. Amman: Dar al-Ma'ani.
- al-Muraghani, Husayn Ibn Bahmah. 1999. *al-Burhan fi al-Istifta bi al-Sunnah wa al-Quran*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.

- Musa ibn Muhammad Jabir al-Fifi. t.th. *Ahadith al-Sihr wa al-Ruqyah fi al-Kutub al-Sittah riwayatan* wa dirayatan. Beirut: al-Jami'ah al-'Alamiyyah al-Amrikiyyah.
- Muslim, al-Imām al-Hāfiz Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajāj al-Naysābūrī. 2006. *al-Jāmi' al-Sahih*. Riyād: Dar al-Taybah.
- Mubārakfūri, al-Imam al-Hāfiz Abi al-'Alī Muhammad 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-Rahīm. 1990. *Tuhfah al-Ahwadhī*. Beirut: Dar Kutub 'Ilmiyyah.
- al-Mubayyad, Muhammad Ahmad. 2008. *al-Massu al-Shaytani wa Turuq al-'Ilaj*. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar.
- al-Nawawī, al-Imām Yahya ibn Sharaf. 1929. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawī*. al-Qāherah: Matba'ah al-Misriyah.
- al-Qayrawani, 'Abd Allah Ibn Abi Zayd. 1983. *Kitab al-Jami' fi al-Sunan wa al-Adab wa al-Maghazi wa al-Tarikh*. Beirut: Muassasah al-Resalah.
- al-Qurtubi, Abi al-Walid Ibn Rusd. 1988. *al-Bayan wa al-Tahsil*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr. 2005. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Sha'ab.
- al-Razi, Muhammad Abd Qadir. 1986. *Mukhtar al-Siha*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- al-Sakhāwi, Muhammad Ibn 'Abd al-Rahman. 1972. *Fayd al-Qadīr Sharh al-Jāmi' al-Saghīr*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Sajistani, Abu Dawud. 1353. *Masa'il al-Imam Ahmad*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Sayyid, Ali Murtada. 2005. *al-Ma'alij bi al-Quran baina Sihr al-Kahan wa Massi al-Jan*. (Bagaimana menolak Sihir dan Kesurupan Jin). Terj. Abd Rohim Mukti. Jakarta: Gema Insani.
- al-Tirmidhī, al-Imām al-Hāfiz Muhammad ibn 'Isā Ibn Sawrah. 1417. *Sunan Tirmidhī. Tahqīq al-Albanī*. Riyad: Maktabah al-Ma'ārif.
- Wahid Abd al-Salam Bali. 1998a. *Wiqayah al-Insan min al-Jin wa al-Shaytan*. Kaherah: Maktabah al-Tabi'in.
- Wahid Abd Salam Bali. 1992b. *al-Sarim al-Battar fi al-Tasaddi li al-Saharah al-Ashrar*. Kaherah: Maktabah al-Tabi'in.

